

WBB dilanjut hingga 31 Disember depan

Syarat lesen ditambah baik bagi atasi isu aduan, halangan lalu lintas dan lain-lain

Oleh **NORAFIZA JAAFAR**
KUALA LUMPUR

Lesen sementara KL Prihatin menerusi inisiatif Wilayah Bebas Berniaga (WBB) dilanjutkan sehingga 31 Disember depan dengan beberapa penambahbaikan.

Penambahbaikan itu dilakukan bagi mengatasi isu aduan dan halangan lalu lintas, kebersihan, pembinaan serta struktur kekal.

Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) berkata, bayaran fi lesen dikenakan sebanyak RM20 sebulan untuk pembaharuan lesen dan caj perkhidmatan sebanyak RM30 sebulan untuk menampung kos kerja-kerja pembersihan dan pengurusan.

Menurut DBKL, waktu operasi perniagaan dihadkan kepada dua sesi iaitu 7 pagi hingga 7 petang dan 6 petang hingga 12 malam bagi memudahkan kawalan serta melancarkan kerja pembersihan.

“Saiz tapak atau kanopi dibenarkan hanya 64 kaki (19.5 meter) selaras kelulusan yang telah diberikan sebelum ini. Sebarang penambahan saiz gerai di tapak tidak dibenarkan



DBKL teruskan inisiatif WBB dengan beberapa penambahbaikan.

bagi memudahkan pemantauan dan tindakan penguatkuasaan.

“Pembaharuan lesen bagi aktiviti perniagaan barangan basah seperti ikan, ayam dan sayur adalah tidak dibenarkan.

“Peniaga dikehendaki mengemukakan permohonan untuk masuk ke pasar (terbuka, pagi, malam dan Pasar DBKL) atau dikehendaki menukar jenis jualan selewat-lewatnya pada 30 September 2022,” katanya menerusi kenyataan pada Jumaat.

Tambah kenyataan itu, pemegang lesen perlu mematuhi syarat lesen atau berdepan tindakan penguatkuasaan jika melanggar syarat lesen seperti meninggalkan barang di tapak niaga, membina struktur ke-

kal dan saiz kanopi melebihi had yang dibenarkan.

Kata kenyataan itu, DBKL juga akan membuat penyusunan atau pemindahan peniaga yang dikesan menaja di lokasi *hotspot* yang menyebabkan kacau ganggu atau aduan, ke lokasi dikenal pasti antaranya pusat penjaja atau pasar DBKL (tertakluk kepada kekosongan).

Justeru, DBKL berkata, pemegang lesen diberi tempoh mulai 1 Julai sehingga 15 Julai ini untuk mengemukakan permohonan pembaharuan lesen secara dalam talian melalui laman web <https://elesen.dbkl.gov.my/> atau hadir ke Kaunter Lesen Berpusat, Tingkat 5, Jabatan Pelesenan dan Pembangunan Perniagaan, Jalan Raja Laut.